

	PANDUAN PERMOHONAN PROGRAM TABUNG PENYELENGGARAAN PERUMAHAN MALAYSIA (TPPM)	Nombor Rujukan Fail:
		Tarikh Kemaskini: 7 September 2023

1.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN TPPM

a) Julat Harga Rumah

Harga rumah adalah berdasarkan kepada harga belian asal daripada pemaju;

- i. Bagi kategori rumah **kos rendah** swasta:
 - Semenanjung : RM42,000.00 ke bawah; dan
 - Sarawak, Sabah dan Labuan : RM59,000.00 ke bawah.
- ii. Bagi kategori rumah **kos sederhana rendah** swasta:
 - Semenanjung : RM42,001.00 sehingga RM80,000.00; dan
 - Sarawak, Sabah dan Labuan : RM59,001.00 sehingga RM100,000.00.
- iii. Bagi pemajuan bercampur:
 - Jika keseluruhan unit di blok tersebut adalah termasuk dalam julat harga rumah yang ditetapkan, maka permohonan boleh dipertimbangkan;
 - Jika sebahagian/ keseluruhan unit di blok tersebut melebihi julat harga rumah yang ditetapkan, maka permohonan tidak akan dipertimbangkan

b) Skop Kerja Penyelenggaraan

Skop kerja penyelenggaraan hanya bagi bangunan rumah berstrata sahaja.

- Skop A : Membaiki atau mengganti lif;
- Skop B : Membaiki atau mengganti tangki air & sistem retikulasi;
- Skop C : Penyelenggaraan atau mengganti paip sanitari;
- Skop D : Membaiki atau mengganti bumbung;
- Skop E : Membaiki atau mengganti tangga & susur tangan (*handrail*);
- Skop F : Mengecat semula bangunan dan harta bersama;
- Skop G : Pendawaian semula dan kerja elektrik;
- Skop H : Membaiki atau mengganti kerosakan infrastruktur asas dan kemudahan awam yang melibatkan harta bersama (*common property*);
- Skop I : Mengganti atau membina pagar keliling; dan
- Skop J : Pembaikan cerun.

	PANDUAN PERMOHONAN PROGRAM TABUNG PENYELENGGARAAN PERUMAHAN MALAYSIA (TPPM)	Nombor Rujukan Fail:
		Tarikh Kemaskini: 7 September 2023

c) Kaedah Pelaksanaan

- 100% kos penyelenggaraan dibiayai di bawah peruntukan TPPM; dan
- Agensi pelaksana bagi projek TPPM ialah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau Agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan/ Negeri.

d) Lain-lain yang berkaitan

- **Keutamaan** diberikan kepada kawasan pemajuan yang telah menubuhkan JMB/MC; dan
- Anggaran awal kos projek perlu disahkan oleh bahagian teknikal PBT.

e) Penghantaran Borang Permohonan yang telah lengkap

- Borang permohonan yang telah lengkap, hendaklah dihantar kepada **Pesuruhjaya Bangunan (COB), Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Bandaraya/ Majlis Perbandaran/ Majlis Daerah)**.
- COB perlu membuat semakan dan mengesahkan maklumat permohonan sebelum dikemukakan kepada Jabatan Perumahan Negara.

2.0 KETERANGAN LANJUT

Sebarang pertanyaan dan surat-menyurat boleh dimajukan kepada alamat seperti berikut;

Pengarah
Bahagian Penyelenggaraan Perumahan,
Jabatan Perumahan Negara,
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Aras 33, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA.

No. Tel. : 03-8891 4019 / 4369 / 4247 / 4028

3.0 TARIKH KUATKUASA

Panduan permohonan ini berkuatkuasa serta-merta dari tarikh ia dikeluarkan.